

Ortodontik (Menjajarkan/Mengikat Gigi)(Braces)

PUSAT PERGIGIAN U 优牙科中心 U DENTAL CENTER

Taman U 大学城: 26, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 SKUDAI. Tel:607-521 1111,
SMS: 6012-8800100 HP:6 014-888 9000

U Dental Specialist Clinic 优牙科专科诊所 Klinik Pakar Pergigian U

Bukit Indah 武吉英达: 65, Jalan Indah 16/12, Taman Bukit Indah, 81200 Johor Bahru, Johor.

Tel: 607-234 2000, SMS: 6014-508 0000 HP: 6019-500 6 900

Tel: 07-232 4444, SMS: 6014-9 900 900 HP: 6014-888 2000

www.gigi.my info@gigi.my

MAKLUMAT PESAKIT: MEMBUAT KEPUTUSAN BIJAK

Apa dia orthodontik?

Orthodontik adalah rawatan untuk membetulkan susunan gigi dan memperbaiki kedudukan rahang yang tidak teratur.

Keadaan apa memerlukan orthodontik?

1. **Rupa:**Jika anda tidak berpuas hati dengan paras rupa anda kerana gigi yang tidak teratur:
 - Celah gigi tengah besar.
 - Gigi taring terkeluar di tepi.
 - Gigi depan berlapis, tidak rata atau keluar masuk.
 - Gigi terlalu jongang.
 - Gigi terputar.

2. **Fungsi** gigitan anda terganggu

- Gigitan terbuka(tidak rapat)
- Gigi berlapis mubah tersumbat makanan dan susah dibersihkan.
- Gigitan susah dan mungkin sendi didepan telinga sakit.
- Susah merapatkan bibir atau bernafas melalai mulut.

Untuk siapa orthodontik?

Ortodontik bukan sahaja boleh dijalankan pada **kanak-kanak** dan remaja, malahan juga **orang dewasa**.

Tiada had umur tertentu untuk menerima rawatan. Secara amnya pergerakan gigi lebih senang pada orang muda.

Umur berapa ortodontik dimulakan?

Rawatan ortodontik tidak perlu tunggu semua gigi kekeluar.

Pemeriksaan: Pada tahun 7 kanak-kanak perlu menjalankan pemeriksaan mrenentukan samada ortodontik diperlukan. Kanak-kanak umur sudah boleh mula merancang rawatan ortodontik.

Fasa Pertama:Sebelum masalah terjadi---boleh dimulakan pada kanak-kanak (bawah umur 10-12 tahun).

Jika dirawat awal, hasil rawatan juga lebih memuaskan dan rawatan yang rumit mungkin boleh dielakkan pada masa akan datang

Tidak perlu tunggu semua gigi susu sudah tanggal baru memulakan rawatan ortodontik.

Rawatan fasa pertama mungkin perlu atau tidak perlukarawatan lanjut (fasa kedua). Jika rawatan fasa kedua diperlukan, ia biasanya lebih mudah.

Fasa Kedua: Selepas masalah terjadi---pada remaja dan orang dewasa. Pada masa ini, pertumbuhan tulang biasanya sudah selesai, masa rawatan yang paling baik sudah terlepas dan pilihan rawatan juga kurang berbanding dengan kanak-kanak.

Cabutan gigi diperlukan?

Bukan semua kes memerlukan cabutan gigi. Doktor akan menimbangkan terlebih dahulu cara rawatan yang tanpa cabutan. Jika gigi terlalu keluar atau sesak, cabutan mungkin diperlukan

Berapa lama rawatan berakhir?

Rawatan mudah mungkin mengambil masa 3-6 bulan, kebanyakan kes mengambil masa 1-1.5tahun, dan mungkin lebih jika kes yang susah, misalnya modifikasi pertumbuhan tulang.

Berapa kerap saya perlu datang ke klinik?

Biasanya 3-4 minggu sekali semasa rawatan aktif.

Kesan yang tidak diingini

- Relapse:** Gigi cenderung balik ke kedudukan asalnya.
- Dekalsifikasi pada gigi yang tidak dijaga bersih.
- Gigi menjadi tidak hidup jika daya terlalu kuat.
- Gusi tidak sihat atau gigi longgar.

Bagaimana Hendak mula?

Lawatan pertama: Doktor akan mengambil acuan gigi/rahang dan gambar sinaran-X (OPG & CEPH). Doktor akan menganalisis dan merancang cara rawatan.



Lawatan kedua: Rancangan rawatan akan dibincangkan, pilihan lain, masa dan kos akan diberi anggaran. Pesakit mempunyai kuasa muktamad samada hendak memulakan rawatan atau tidak.

Cara rawatan?

Secara kasar dibahagikan kepada 2 jenis:

1.)**Removable/Boleh tanggal:** Merupakan plat plastik dengan spring/wayar untuk mengerakkan gigi.

Ia boleh ditanggalkan oleh pesakit.




1.)

2.)

2.)**Fixed/Tetap:** Butang kecil(button) logam digelar **braket** dilekatkan ke permukaan gigi. Pesakit tidak boleh membuka braket yang terlekat ini. Ia boleh digunakan untuk menghasilkan sesetengah gerakan gigi yang tidak dapat dilakukan dengan cara removable.

Kos?

Kos bergantung kepada kompleksiti rawatan, samaada rahang atas, bawah atau kedua-duanya perlu rawatan.Ia juga bergantung kepada masa, bahan dan teknik yang digunakan. Kos rawatan orthodontic berkomputer dan alat tersembunyi/lutsinar (Smartee/Mbrace atau yang serupa invisalign akan berkos lebih.)



Pembayaran ansuran adalah dibenarkan, malahan untuk yang kurang mampu, *pinjaman* disediakan, misalnya untuk pelajar/siswa.

Sila tanyalah doktor anda. (Tertakluk kepada perubahan: Harga murid (Student price) RM3100-3450 setiap rahang. Harga biasa/dewasa 2 rahang RM7800. Untuk dewasa yang datang masa bukan "peak hour" doleh dapat harga murid RM6200. Doktor hanya boleh memberi anggaran kos setelah pemeriksaan teliti dijalankan. Kos invisible braces misanya Aligner kos antara 15000 ke 25000 berdasarkan bilangan aligner yang dipakai.

Rawatan Multidisiplinari

Untuk sesetengah kes teruk, rujukan ke pakar ortodontik atau pakar bedah mulut adalah perlu.

Pekara yang perlu diketahui:

1.)**Sebelum** rawatan: *Tekad* diperlukan.

Pastikan anda *berkomitmen* dan bersedia dari segi psikologi untuk menerima rawatan.

2.)**Semasa** rawatan:*Compliance* dikehendaki.

Kerjasama anda adalah penting supaya hasil rawatan yang baik dicapai.

Anda sepatutnya hadir pada kinik pada jangka masa yang ditentukan.

Kes mungkin tidak diteruskan jika pesakit selalu tidak dapat hadir.

Penjagaan kebersihan gigi mengelakan gigi bertukar warna/berkapur.

3.)**Akhir/tamat** rawatan:

'Retainer' sementara atau kekal mungkin diperlukan untuk mengelakkan gigi kembali ke kedudukan asalnya.